



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957
Laman web: www.kwpkb.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2014

PUTRAJAYA, 13 Januari 2014 – Sambutan Hari Wilayah Persekutuan disambut pada 1 Februari setiap tahun bagi memperingati pengisytiharan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan. Sambutan pada tahun ini merupakan sambutan kali kesepuluh (10) yang akan diadakan secara serentak di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

2. Tema Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) pada tahun ini adalah **“Wilayah Persekutuan Ceria” (Cheerful Federal Territories)**. Tema ini dipilih seiring dengan aspirasi Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) yang ingin menjadikan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sebagai sebuah bandar yang ceria dalam aspek persekitaran yang bersih serta indah; kemudahan perumahan yang kondusif dan selamat; sistem pengangkutan dan jaringan lalulintas yang sistematik dan berteknologi tinggi; dan seterusnya mengembangkan sumber masyarakat Wilayah Persekutuan yang produktif dan terus berkembang ke tahap maksimum.

3. Objektif utama SHWP 2014 ini adalah untuk menyemarakkan acara-acara sambutan yang melambangkan warga Wilayah Persekutuan yang harmoni, prihatin, maju dan sejahtera. Di samping itu, melalui penganjuran program-program SHWP 2014 ini akan dapat mencetuskan semangat muhibbah dan integrasi antara masyarakat di pelbagai peringkat lapisan. Melalui pelaksanaan program utama SHWP 2014 ini juga adalah untuk menghargai individu yang telah banyak menabur bakti, menyumbang serta menjayakan agenda pembangunan dan kesejahteraan warga Wilayah Persekutuan.

4. Seperti penganjuran SHWP yang lepas, KWP dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Putrajaya, Perbadanan Labuan, Majlis Sukan Wilayah Persekutuan dan Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu telah menyediakan pelbagai "**valuable goodies**" kepada rakyat khususnya warga Wilayah Persekutuan yang boleh dimanfaatkan dan dinikmati di sepanjang Febuari 2014 ini. Rujuk Lampiran 1.

5. Pelaksanaan program-program SHWP 2014 adalah berbeza dengan tahun-tahun sebelum ini dalam menyahut seruan YAB PM yang telah mengumumkan inisiatif penjimatan negara baru-baru ini. Oleh itu, KWP telah mengurangkan program-program SHWP yang biasanya dilaksanakan pada setiap tahun iaitu dengan **TIDAK** mengadakan Majlis Pelancaran SHWP 2014, Majlis Penutup SHWP 2014, Kejohanan Golf Diraja sempena SHWP 2014 dan Festival SHWP 2014 di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan. Ini telah dapat mengurangkan peruntukan perbelanjaan SHWP 2014 yang seterusnya melaksanakan dasar penjimatan negara.

6. Pihak KWP dan Agensi hanya akan menganjurkan program SHWP 2014 yang memberikan impak yang tinggi dan program yang melibatkan rakyat secara terus termasuk program tanggungjawab sosial masyarakat (CSR). Senarai program SHWP 2014 adalah seperti di Lampiran 2. Adalah diharapkan melalui penganjuran program SHWP 2014 kali ini akan memberi impak yang besar dalam penglibatan rakyat secara umum serta memberi peluang kepada mereka untuk menyertai setiap aktiviti dan program yang dianjurkan di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan. Melalui aktiviti-aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan bersempena SHWP 2014 ini diharap dapat merangsang seluruh warga Wilayah Persekutuan agar dapat seiringan dengan Kerajaan dan bersama-sama **memajukan dan memakmurkan** bumi Wilayah Persekutuan yang tercinta.

Disediakan oleh:

**BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
PUTRAJAYA**

13 Januari 2014

11 Feb 2014
Hari Wilayah Persekutuan

Valuable Goodies
SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2014

Putrajaya

- Diskaun 50% bagi tempahan kemudahan sukan (Badminton, Ping Pong, Squash, Tenis, Sepak Takraw) di Dewan Serbaguna Presint 8, Kompleks Kejuranan Presint 9, 11 dan 16 [1-8 Februari 2014]
- Percuma pada minggu pertama Februari 2014 bagi penggunaan kemudahan Kolam Renang di Kompleks Kejuranan Presint 9, 11 dan 16, Putrajaya [1-8 Februari 2014]
- Pendaftaran keahlihan Pusat Pembelajaran Kejuranan, Putrajaya secara percuma sepanjang bulan Februari 2014 [4-28 Februari 2014]
- Pemanjangan tempoh peminjaman buku Pusat Pembelajaran Kejuranan, Putrajaya dari 2 minggu (14 hari) ke 4 minggu (28 hari) [4-28 Februari 2014]
- Diskaun sebanyak 50% bagi sewaan peralatan di Taman Citaran Putrajaya untuk pemegang MyKad pada sepanjang minggu pertama Februari 2014 [1-8 Februari 2014]
- Sewa 1 jam percuma 1 jam berikutnya bagi kemudahan gelanggang (Bola Sepak, Bola Tampar, Sepak Takraw, Futsal dan Bola Keranjang) di Kompleks Sukan Taman Pancarona, Presint 18 Putrajaya [1-8 Februari 2014]
- Sewa 1 jam percuma 1 jam berikutnya bagi kemudahan gelanggang di Kompleks Futsal Malaysia Presint 18 Putrajaya [1-8 Februari 2014]
- Percuma pada minggu pertama Februari 2014 bagi penggunaan kemudahan Kompleks Renang Awam di Presint 6 Putrajaya [1-8 Februari 2014]
- Diskaun 50% bagi kesemua perkhidmatan Cruise Tasik Putrajaya [1-9 Februari 2014]
- Diskaun 50% bagi kesemua kemudahan/fasiliti di Marina Putrajaya. [1-9 Februari 2014]

Kuala Lumpur

- Semua kompaun trafik yang dikeluarkan oleh DBKL dikenakan kadar bayaran RM30. Tawaran ini sah mulai **1 Februari hingga 8 Mac 2014 sahaja**. Pembayaran boleh dibuat di semua kaunter DBKL pada hari bekerja dengan membawa bersama-sama notis kompaun.
- Penggunaan secara percuma untuk kemudahan sukan DBKL (tidak termasuk kejohanan) seperti gelanggang futsal, tenis, badminton, ping pong, bola tampar, lakraw, padang bola sepak, kolam renang, squash dan gimnasium **sepanjang bulan Februari 2014**
- Yuran keahlihan percuma untuk semua perpustakaan DBKL **sepanjang bulan Februari 2014**.
- Percuma menaik bot dan pony ride di Taman Tasik Tibwangsa **sepanjang bulan Februari 2014**
- Penggunaan tandas awam DBKL secara percuma **sepanjang bulan Februari 2014**

Labuan

- Penggunaan Percuma untuk kemudahan sukan dan kemudahan-kemudahan lain seperti:
 - a. Dewan Serbaguna
 - b. Gelanggang Futsal
 - c. Gelanggang Tenis
 - d. Gelanggang Bola Keranjang
 - e. Arena Bukit Kuda
 - f. Gelanggang Bola Tampar
 - g. Gelanggang Sepak Takraw
 - h. Gelanggang Bola Jaring
 - i. Arena Boling Padang Antarabangsa
 - j. Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan
 - k. Mini Auditorium, Anjung Budaya
 - l. Padang Ragbi
- Perkhidmatan Perpustakaan Awam Labuan
 - Bulan Pengampunan Kelewatan Memulangkan Buku Perpustakaan Awam Labuan
 - Pendaftaran Keahlihan Percuma Perpustakaan Awam Labuan
 - Pembaharuan Kad Keahlihan Secara Percuma
- Pemberian **Diskaun 50%** Penyewaan Rumah Rehat dan Kemudahan di Pulau Papan
- Pemberian **Diskaun 50%** Kompaun Letak Kereta Semasa dan Tertunggak

* Sepanjang Bulan Februari 2014

Wilayah Persekutuan CERIA

Putrajaya, Kuala Lumpur, Labuan

Putrajaya


**1 LANGKAH CERIA
& KIBAR BENDERA WILAYAH
PERSEKUTUAN BERSAMA FELDA**

19 Januari 2014 | 7.30 pg
Dataran Putrajaya, Presint 3


**2 KONVOI
BERBASIKAL 1 WILAYAH PERSEKUTUAN**

9 Februari 2014 | 7.00 pg
Dataran Putrajaya → Stadium Nasional Bukit Jalil →
Dataran Putrajaya, Presint 3


**3 KENDURI
1 WILAYAH PERSEKUTUAN**

22 Februari 2014 | 8.00 pg
Padang Kompleks Kujiraan, Presint 9


**4 PROGRAM CSR
BERSAMA ISTERI YB MENTERI WP**

22 Februari 2014 | 7.30 pg
Dewan Serbaguna, Menara Seri Wilayah,
Presint 2

Kuala Lumpur


**1 PROGRAM
KIBAR BENDERA
WILAYAH PERSEKUTUAN**

22 Januari 2014 | 8.30 pg
Dataran DBKL


**2 MAJLIS
TAHLIL & DOA SELAMAT
SEMPENA SAMBUTAN HARI WILAYAH
PERSEKUTUAN 2014**

30 Januari 2014 | 7.00 ptg
Masjid Ar-Rahimah, Kg Pandan Luar


**3 ISTIADAT PENGURNIAN DARJAH
KEBESARAN, BINTANG & PINGAT
WILAYAH PERSEKUTUAN**

1 Februari 2014 | 8.30 pg
Istana Negara, Jalan Duta


**4 FORUM PERDANA
SEMPENA SAMBUTAN
HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2014**

6 Februari 2014 | 9.00 min
Dewan Kelab Sultan Sulaiman


**5 KENDURI
1 WILAYAH PERSEKUTUAN**

22 Februari 2014 | 8.00 pg
11 Kawasan Parlimen, KL

Labuan


**1 PROGRAM KIBAR BENDERA
WILAYAH PERSEKUTUAN**

19 Januari 2014 | 7.30 pg
Dataran Labuan


**2 DUATHLON SEMPERNA SAMBUTAN
HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2014**

15-16 Februari 2014 | 8.00 pg
Dataran Labuan


**3 MALAM SAMBUTAN
HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2014**

15 Februari 2014 | 7.30 min
Dataran Labuan


**4 KENDURI
1 WILAYAH PERSEKUTUAN**

22 Februari 2014 | 8.00 pg
Kompleks Sukan Laut Antarabangsa